

14.6.2023

KENYATAAN MEDIA

oleh IR. PATHMANATHAN K.
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

INSIDEN SUNGAI MUDA MEI 2023: PULAU PINANG PERLUKAN PROJEK PEMBESARAN EMPANGAN MENGKUANG YANG “LENGKAP” SERTA SPRWTS DENGAN SEGERA

- Tanpa sokongan dan bantuan Kerajaan Persekutuan, Pulau Pinang akan kekal berisiko mengalami gangguan bekalan air yang besar apabila berlaku kejadian yang melibatkan Sungai Muda.

PULAU PINANG, Rabu, 14.6.2023: Pulau Pinang amat memerlukan sokongan padu serta bantuan Kerajaan Persekutuan untuk menyiapkan Projek Pembesaran Empangan Mengkuang (MDEP) dan melaksanakan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS).

“Insiden Sungai Muda” pada bulan Mei 2023 baru-baru ini yang menyebabkan kesulitan kepada 453,954 pengguna air di Pulau Pinang menekankan betapa pentingnya MDEP dan SPRWTS.

Dalam mengemukakan laporan post-mortem mengenai insiden berkenaan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang, PBAPP telah mengetengahkan syor utama berikut:

Syor	Tindakan
1. MDEP: Menyegerakan “komponen yang belum lengkap” yang diperlukan untuk membolehkan pelepasan 1,000 juta liter sehari (JLH) dari empangan ketika senario kecemasan melibatkan Sungai Muda.	Kerajaan Persekutuan
2. SPRWTS: Mempercepatkan pelaksanaan SPRWTS bagi Pulau Pinang untuk meneroka sumber air mentah kedua selain Sungai Muda.	Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Kerajaan Negeri Perak.
3. Kontingensi Bekalan Air 2030 (WCP 2030): Mempercepatkan pelaksanaan projek untuk memanfaatkan Sungai Kerian, Sungai Perai dan EMD sebagai sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang.	PBAPP

4.	Mewujudkan “amaran awal” dalam rangkaian komunikasi kecemasan melibatkan semua organisasi utama di Pulau Pinang dan Kedah yang terlibat dalam aktiviti bekalan air dan pengairan yang berkaitan dengan Sungai Muda.	Jabatan Pengairan dan Sungai (JPS), Badan Kawal Selia Air (BKSA), Lembaga Sumber Air Kedah (LSANK).
5.	<p>Menubuhkan Pusat Pemantauan Strategik Sungai Muda (SMSMC) di Pulau Pinang untuk memantau sungai, 24/7, memfokuskan kepada anomali yang boleh menjejaskan pengabstrakan air yang optimum di muka sauk Lahar Tiang.</p> <p>Dari segi paras air sungai, penurunan paras sungai sebanyak 0.5m akan mencetuskan penggera. Dari segi kekeruhan air sungai, bacaan 1,000 NTU (unit kekeruhan nephelometric) juga akan mencetuskan penggera.</p>	PBAPP

Ringkasan Insiden Sungai Muda Mei 2023

- Pada jam 5.00 pagi pada 14.5.2023, paras Sungai Muda di muka sauk Lahar Tiang PBAPP menyusut di bawah 1.0m. PBAPP tidak dapat mengabstrak air dari Sungai Muda untuk dipam ke Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua.
- Kejadian itu dilaporkan berpunca daripada kerosakan pintu automatik baraj di Kedah (dan bukan di Pulau Pinang). Baraj ini diuruskan oleh Pengurusan Lembaga Sungai Muda (PLSM), divisyen di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Pintu yang rosak itu dilaporkan “dibuka” selama 11 jam, menyebabkan sejumlah besar air sungai mengalir ke Selat Melaka.
- PBAPP mengaktifkan Pelan Respons Kecemasan (ERP) yang merangkumi pelepasan air mentah dari Empangan Mengkuang yang Diperbesarkan (EMD). Bagaimanapun, pelepasan dari empangan terhad kepada 300 JLH, kira-kira 24% daripada 1,254 JLH yang telah dipam dari Sungai Muda ke LRA Sungai Dua untuk rawatan pada bulan Mac 2023.
- Memandangkan terdapat kekurangan 76% dalam jumlah air mentah yang disalurkan ke LRA Sungai Dua untuk rawatan, bekalan air kepada 453,954 pengguna air Pulau Pinang di Seberang Perai dan Pulau Pinang telah terjejas.

- PBAPP berjaya mencapai 90% pemulihan bekalan air dalam tempoh kira-kira 36 jam (9.30 pagi pada 15.5.2023) dan 99% pemulihan bekalan air dalam tempoh kira-kira 64 jam (9.00 malam pada 16.5.2023).

Risiko tinggi

Satu lagi “insiden Sungai Muda” sudah pasti akan menjejaskan bekalan air sehingga 453,954 pengguna di Pulau Pinang (termasuk syarikat pembuatan multinasional yang beroperasi di Zon Perdagangan Bebas Bayan Lepas, Taman Perindustrian Batu Kawan dan Kawasan Perindustrian Bukit Minyak).

Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP tidak dapat secara langsung dan sepenuhnya mengurangkan risiko kejadian daripada berulang kerana:

- Pulau Pinang hanya mempunyai satu sumber air mentah utama: Sungai Muda. PBAPP mengabstrak air mentah daripada sungai di Lahar Tiang di Seberang Perai.
- Sebahagian daripada Sungai Muda terletak dalam wilayah Kedah. Kawasan tadahan air sungai ini (Kompleks Hutan Ulu Muda) juga terletak di Kedah, di luar bidang kuasa Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP.
- Pembangunan sumber air mentah untuk Pulau Pinang adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Perkhidmatan bekalan air juga dikawal selia oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Akta Industri Bekalan Air 2006 (Akta 655) dan Akta SPAN 2006 (Akta 654).
- Hanya Kerajaan Persekutuan yang mempunyai dana, kuasa tadbir dan sumber untuk membolehkan projek penyaluran air mentah antara negeri seperti SPRWTS.
- MDEP ialah projek Persekutuan yang belum lengkap yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan, dibiayai oleh geran Persekutuan RM1.2 bilion. Jelas sekali, kapasiti pengeluaran 300 JLH sedia ada daripada EMD tidak mencukupi. Pulau Pinang memerlukan pilihan “sandaran” 1,000 JLH yang berdaya maju apabila keadaan tidak menentu di Sungai Muda.

Tanpa MDEP dan SPRWTS yang lengkap, rakyat Pulau Pinang akan menghadapi kesulitan apabila berlaku kejadian yang melibatkan Sungai Muda. Oleh itu, bagi pihak rakyat dan perniagaan Pulau Pinang, PBAPP ingin merayu kepada Kerajaan Persekutuan untuk campur tangan untuk mengurangkan risiko air kita secepat mungkin.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my